



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

6 JUN 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

PKPD 3 Lokaliti di Jaya Gading, Kuantan, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini turut melaporkan situasi COVID-19 di 3 lokaliti di Jaya Gading, Kuantan, Pahang yang melibatkan:

- Kampung Jaya Gading
- Sebahagian Kampung Seri Damai
- Bandar Baru Jaya Gading

KKM melaporkan terdapat peningkatan ketara kes positif COVID-19 dalam tempoh 2 minggu di lokaliti ini apabila sebanyak 44 kes telah direkodkan hasil ujian saringan ke atas 466 orang dengan kadar positif 9.4%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lokaliti-lokaliti seperti yang dinyatakan bermula dari 8 Jun sehingga 21 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas penduduk yang terlibat dan seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke kawasan lain.

PKPD Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang.

Sehingga kini, sebanyak 56 kes positif telah direkodkan selepas 1,900 orang disaring dengan kadar positif 1.3% di lokaliti itu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang berkuat kuasa 8 Jun sehingga 21 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan kontak rapat.

PKPD di Kampung Ongkilan, Kota Marudu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini telah melaporkan situasi kes COVID-19 di Kampung Ongkilan, Kota Marudu, Sabah.

KKM mengesahkan terdapat peningkatan ketara kes di lokaliti ini apabila sebanyak 15 kes positif telah direkodkan hasil daripada 77 saringan dengan kadar positifiti 19.48%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Ongkilan, Kota Marudu, Sabah bermula 8 Jun sehingga 21 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM membuat pengesanan awal kes-kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD 2 Lokaliti di Nabawan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Kampung Pulutan dan Kg. Murni C, Nabawan, Sabah.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang ketara di dua lokaliti ini apabila sebanyak Kg. Pulutan merekodkan 11 kes positif telah dari 96 individu disaring dengan kadar positifiti 11.46%. Manakala Kg. Murni C melaporkan 20 kes positif daripada 117 orang yang disaring dengan kadar positifiti 5.8%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti di Kampung Pulutan, Nabawan, Sabah (melibatkan Kampung Pulutan dan Kampung Murni C) berkuat kuasa 8 Jun sehingga 21 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat.

PKPD Kampung Bolong Baru, Tuaran, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Kampung Bolong Baru, Tuaran, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 53 ujian saringan dan 12 daripadanya dikesan positif COVID-19 dengan kadar positifiti ialah 22.6%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bolong Baru, Tuaran, Sabah berkuat kuasa 8 Jun sehingga 21 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat.

PKPD 2 perkampungan di Kota Belud, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di dua (2) perkampungan di Kota Belud, Sabah iaitu:

- Kampung Tamalang
- Kampung Tuguson

Sehingga 5 Jun 2021, sebanyak 12 kes positif telah direkodkan hasil daripada keseluruhan 24 ujian saringan dilakukan oleh KKM dengan kadar positif 50%.

KKM juga mendapati kes telah menular dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua perkampungan seperti dinyatakan berkuat kuasa 8 Jun sehingga 21 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan kontak rapat.

PKPD Kampung Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi COVID-19 di Kampung Bergosong, Pulau Sebatik, Tawau, Sabah.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes yang ketara di lokaliti ini apabila sebanyak sembilan (9) kes positif telah direkodkan selepas 16 individu disaring dengan kadar positif 56.25%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bergosong, Pulau Sebatik Tawau, Sabah berkuat kuasa 8 Jun sehingga 21 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes bagi tujuan pengasingan serta melaksanakan saringan bagi kontak rapat.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD 7 Mukim dalam daerah Kuantan, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tujuh (7) Mukim dalam daerah Kuantan, Pahang yang dijadualkan tamat pada 7 Jun 2021.

Ketujuh-tujuh mukim tersebut ialah:

- Mukim Beserah
- Mukim Kuala Kuantan 1
- Mukim Kuala Kuantan 2
- Mukim Penor
- Mukim Sungai Karang
- Mukim Ulu Kuantan
- Mukim Ulu Lepar

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 8,109 ujian saringan dan 481 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes di beberapa lokaliti dengan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di tujuh (7) Mukim dalam daerah Kuantan, Pahang pada 7 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Taman Abaka, Ladang Table, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Abaka, Ladang Table, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 7 Jun 2021.

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 487 ujian saringan dan 49 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Taman Abaka, Ladang Table, Tawau, Sabah pada 7 Jun 2021, seperti yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 67,733 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,426 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 17,327 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 982 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 933 individu dikompaun manakala 49 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tidak memakai pelitup muka (222)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (150)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (133)
- Tiada penjarakan fizikal (125)
- Membawa penumpang berlebihan (105)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (89)
- Premis gagal patuhi arahan (23)
- Lain-lain (135)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 27 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas dua (2) buah kenderaan darat.

Sebanyak 208 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui tujuh (7) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 949 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 897 SJR
Op BENTENG PDRM	- 43 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 112 operasi sanitasi meliputi 60 zon merah, zon jingga (1) dan zon kuning (4) telah dilaksanakan di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 764 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 195 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 115 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 26,643 operasi sanitasi merangkumi 156 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 595 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 219,754 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 76 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,805 individu telah dikuarantin dan 208,544 orang dibenarkan pulang manakala 2,405 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 831 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (644), pemborong (157) dan pengilang (30).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,694 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,678 premis mematuhi SOP manakala 16 lagi dikompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 101 warga asing telah menjalani ujian saringan dan dua (2) kes positif COVID-19 telah direkodkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 698,433 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,159 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,332 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 688,101 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**